

# Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**  
[sembangict@yahoo.com](mailto:sembangict@yahoo.com)

## Apakah fail

Uttusan  
3/12/2014  
m/s : 10

## Torrent

**K**EBANYAKAN fail bersaiz besar di internet menggunakan kaedah fail Torrent untuk dimuat turun ke komputer pengguna. Boleh tuan bincangkan. - Zami, KL.

**T**ERIMA kasih. Fail Torrent merupakan satu jenis fail bersaiz kecil yang digunakan untuk memuat turun fail bersaiz besar menggunakan protokol BitTorrent. Penggunaan protokol BitTorrent membantu dalam memuat turun fail bersaiz besar tanpa terganggu oleh kuota atau saiz jalur lebar. Protokol ini juga menyokong fungsi penyambungan semula proses muat turun atau resume.

Penggunaan protokol BitTorrent ini mempunyai lebih daripada satu komputer pelayan (*server*) digunakan secara langsung tanpa memerlukan ia mengawal proses muat fail.

Pengguna yang memuat turun fail menggunakan protokol ini juga merupakan sebahagian daripada rangkaian aplikasi pelayan BitTorrent. Ketika memuat turun fail, anda juga memuat naik ke beberapa pelanggan lain yang sedang mencari fail yang sama untuk dimuat turun.

Walaupun selepas memuat turun fail selesai, jika masih menyimpan aplikasi pelanggan Torrent dan aplikasi tersebut masih terbuka.

Ia akan terus memuat naik fail pada komputer tersebut sehingga orang lain boleh memuat turun dari komputer anda tanpa mengetahui alamat IP dan lokasi komputer yang digunakan.

Konsep ini membolehkan sesuatu fail yang bersaiz besar boleh dimuat turun dengan cepat dan berkesan ke komputer pengguna.

Ia menggunakan konsep perkongsian sumber jalur lebar rangkaian oleh semua pengguna yang terlibat. Seseorang pengguna yang menggunakan perkhidmatan memuat turun fail dengan aplikasi BitTorrent ini perlu menyumbang sumber jalur lebar rangkaian kepada komuniti pengguna aplikasi BitTorrent ini.